

Kasmo (rekanan utama) selama 27/6/14 M/S 23

i-Sejadah inovasi daripada SMK Sri Panching

PEMBAHARUAN positif sistem persekolahan kebangsaan yang menggalakkan pelajar terlibat aktif dalam pelbagai bidang termasuk reka cipta semakin memberi impak membanggakan.

Hari ini, bilangan sekolah yang terlibat dalam reka cipta juga semakin bertambah dan tidak hanya melibatkan pelajar di sekolah-sekolah berprestasi tinggi.

Menerusi program reka cipta, para pelajar digalakkan berfikir bagi mendapatkan idea dan melakukan penyelidikan sebelum memulakan serta merealisasikan sesebuah projek inovasi.

Sekolah-sekolah yang belum pernah terlibat dalam pameran reka cipta juga sudah mula tampil dengan pelbagai produk inovasi dan berjaya meraih pingat emas.

"Kejayaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Panching memenangi pingat emas bagi kategori multimedia dalam pertandingan Pereka Muda Asia (AYIE) di Kuala Lumpur baru-baru ini adalah di luar jangkaan.

"Ia membuktikan pelajar sekolah harian biasa juga mampu tampil dengan



PARA pelajar dan guru SMK Sri Panching, Kuantan menunjukkan produk i-Sejadah yang memenangi pingat emas dalam Pameran Pereka Muda Asia 2014 baru-baru ini.

produk inovasi walaupun belum pernah terlibat sebelum ini," kata guru pengelola projek i-Sejadah dari SMK Sri Panching, Pahang, Mohd. Faisal Ab. Salam.

Menurut Mohd. Faisal, idea menghasilkan i-Sejadah terbit daripada buah fikiran para pelajar tingkatan dua di sekolah tersebut, Amirah Ruzana Abd. Rahim, Nor Fatimah Abdullah dan Riz-

wana Abd. Razak.

Mengulas ciptaan itu, Mohd. Faisal memberitahu, i-Sejadah membantu individu Muslim supaya tidak lalai terhadap bilangan rakaat solat melalui indikator diod pemancar cahaya (LED) yang dipasang di ruang tengah tikar sejadah.

Mohd. Faisal memberitahu, satu lampu LED akan menyala selepas sese-

orang itu melakukan rakaat melalui kiraan dua kali sujud dengan lengkap di atas sejadah yang turut mempunyai kompas penunjuk arah kiblat tersebut.

"Apabila lengkap dua sujud, LED akan menyala. Memasuki rakaat kedua, dua LED menyala dan seterusnya menjadi tiga atau empat mengikut bilangan rakaat sehingga habis solat," jelas beliau mengenai ciptaan inovasi yang dihasilkan dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang itu.

Ujar beliau, penglibatan dan kejayaan pertama SMK Sri Panching dalam pertandingan sedemikian memberi galakan kepada para pelajar untuk terus melakukan inovasi.

"Pelajar di sekolah-sekolah harian biasa juga mempunyai idea dan potensi untuk menghasilkan produk inovasi yang boleh dikembangkan menjadi produk bermanfaat.

"Sekiranya budaya inovasi ini diperhebat, tidak mustahil negara kita akan melahirkan generasi pereka muda yang berdaya maju pada masa hadapan," ujarnya.